

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN KERETA JENAMA SKODA
DI BILIK PAMERAN KERETA SKODA, KLANG SELANGOR
3 NOVEMBER 2002

Saya sangat berbesar hati kerana di undang untuk menyempurnakan Perasmian Bilik Pameran dan Pelancaran Kereta Jenama SKODA oleh AutoPraha Sdn Bhd pada pagi yang berbahagia ini. Saya difahamkan majlis pada pagi ini juga menandakan satu lagi pencapaian cemerlang syarikat induk AutoPraha Sdn Bhd iaitu Kumpulan Pantai Bharu yang diasaskan oleh YBhg. Dato' Haji Shamsuddin yang kini hampir berusia 25 tahun kewujudannya sejak memulakan perniagaan retail sehinggalah ianya berdiri teguh pada hari ini.

2. Adalah suatu yang sangat membanggakan apabila AutoPraha Sdn Bhd yang diketuai oleh YBhg. Dato' Mohammadiyah Moner dan anak syarikat Kumpulan Pantai Bharu milik Bumiputera 100 peratus ini telah dilantik sebagai pengedar utama dan pemegang francais bagi mengedar kereta jenama SKODA buatan Republik Czech. Keyakinan dan kepercayaan pembuat kereta Eropah terhadap AutoPraha Sdn Bhd dan kejayaannya dalam menjalankan kegiatan pemasaran kereta luar negara adalah bukti dan simbol keupayaan usahawan Melayu dan Bumiputera.

3. Kita ingin melihat AutoPraha Sdn Bhd terus melangkah cergas dalam industri pemotoran negara ini sehingga dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan para pesaing lain yang cemerlang di pasaran. Kerajaan sentiasa menggalakkan kelahiran syarikat dan usahawan Melayu dan Bumiputera, terutamanya dalam bidang Pemotoran ini. Dalam Bajet 2003 yang diumumkan kerajaan telah membuka ruang seluas-luasnya untuk pertumbuhan dan perkembangan usahawan khususnya usahawan Bumiputera. Melalui Bajet 2003, kerajaan telah mengurangkan kos pengendalian perniagaan, mengurangkan cukai, memudahkan urusan kastam dan berbagai insentif lain yang dapat merangsang kegiatan perniagaan. Ianya selaras dengan strategi kerajaan yang mahukan pihak swasta menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Bagi menggalakkan kelahiran lebih banyak pengusaha retail Bumiputera umpamanya, Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta lagi bagi Fasa Kedua projek Prosper. Selain itu, berbagai skim galakan usahawan terus berjalan dengan pelbagai institusi kewangan dan agensi kerajaan menjadi pembimbing dan penyalur dana usahawan.

4. Sumbangan besar kerajaan ialah kejayaan mewujudkan iklim perdagangan dan kegiatan ekonomi yang sihat di mana para peniaga dapat aktif memasarkan barangan dan perkhidmatan. Keadaan negara yang aman damai, sistem ekonomi dan perundangan yang baik serta sikap `pro business' kerajaan telah banyak membantu para peniaga dan usahawan mengaut keuntungan bukan sahaja berjuta malah berbillion Ringgit. Kerajaan akan terus proaktif untuk menjana ekonomi negara.

5. Kerajaan akan terus memastikan negara ini kekal aman dan damai dan menjadi tarikan pelabur luar negara untuk mengembangkan aktiviti perniagaan. Dengan peningkatan dalam kegiatan ekonomi, rakyat akan dapat menikmati kehidupan yang lebih baik melalui peningkatan pendapatan dan taraf hidup.

6. Kini kerajaan semakin memberi perhatian terhadap usaha melahirkan usahawan retail Bumiputera. Perniagaan seperti yang diceburi oleh AutoPraha Sdn Bhd dan Kumpulan Pantai Bharu ini adalah satu contoh kejayaan pengusaha Bumiputera dalam bidang peruncitan.

7. Dalam menghadapi dunia perniagaan yang semakin mencabar ini, saya berharap Kumpulan Pantai Bharu dan para pengusaha seperti mereka akan terus meningkatkan daya saing, khususnya dalam menghadapi tuntutan globalisasi. Ekonomi dunia tahun depan dijangka mencatat pertumbuhan keluaran 3.7 peratus dengan perkembangan perdagangan 6.6 peratus. Amerika Syarikat dijangka mencatat pertumbuhan 2.6 peratus, Euro 2.9 peratus manakala ekonomi Jepun memulih kepada 1.1 peratus. Ekonomi Malaysia telah bersedia menerima manfaat daripada persekitaran ekonomi global yang semakin membaik. Untuk itu, kita mahukan kalangan usahawan Bumiputera yang punya daya saing yang tinggi, berani meneroka bidang baru, meningkatkan penggunaan teknologi dan kreatif.

8. Pengusaha-pengusaha Bumiputera perlu membuang `penyakit' lama seperti malas berusaha lebih, tidak bersedia meningkatkan ilmu perniagaan, menyalahguna modal dan aliran wang perniagaan (business cash flow) menjual kontrak dan permit yang sering membantutkan usaha kerajaan untuk membangunkan usahawan Bumiputera. Pengusaha Bumiputera tidak mampu bersaing dalam era globalisasi ini kiranya tabiat buruk lama dikekalkan.

9. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru para peniaga dan pengusaha Bumiputera agar mengguna-pakai strategi yang baik untuk dapat bersaing dalam `main stream' ekonomi. Antara strategi yang perlu dibuat ialah menggalakkan penggabungan (merger) entiti perniagaan Bumiputera yang menjalankan aktiviti perniagaan yang sama yang sebelum ini dijalankan secara berasingan dan kecil-kecilan. Kejayaan dalam penggabungan bank dan institusi kewangan serta beberapa penyusunan korporat perlu dijadikan contoh. Agensi pembangunan usahawan Bumiputera akan diminta memberikan runding-cara, nasihat serta bimbingan bagi maksud tersebut. Institusi kewangan dan bank juga boleh memainkan peranan bagi menggalakkan penggabungan entiti perniagaan Bumiputera seperti yang disarankan.

10. Kerajaan juga sedang mempertimbangkan beberapa rintihan daripada para pengusaha Bumiputera. Masalah kesukaran memiliki premis perniagaan, kesukaran mendapatkan pembiayaan perniagaan, keengganan institusi pembiaya membantu dalam penyusunan semula pembiayaan, kesukaran menembusi pasaran dan beberapa masalah lain yang agak `crucial' di kalangan usahawan Bumiputera perlu dipandang berat oleh agensi dan institusi terbabit. Institusi kewangan dan perbankan yang telah menikmati keuntungan sebelum cukai sebanyak RM 4.5 billion bagi tempoh separuh pertama tahun ini masih menyulitkan akses pembiayaan para pengusaha dan peniaga. Sektor perbankan perlu mengenang jasa kerajaan yang menyelamatkan sektor tersebut semasa krisis kewangan yang lalu dengan membantu dalam mengembangkan kegiatan ekonomi dan perdagangan. Ianya juga merupakan tanggungjawab sosial yang mesti dipikul bersama. Melalui kemudahan pembiayaan yang meluas, aktiviti perniagaan dapat tumbuh dengan pesat dan ianya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Malah membanyakkan kelahiran usahawan Bumiputera akan dapat mewujudkan kestabilan sosial bagi masyarakat Malaysia.

11. Saya juga mengharapkan agensi-agensi kerajaan pusat dan negeri dapat membantu dalam mengatasi masalah premis perniagaan Bumiputera. Agensi-agensi terbabit boleh membantu dalam bentuk membina, membeli atau memajak premis-premis perniagaan di lokasi strategik bagi menempatkan para peniaga Bumiputera di tempat yang sesuai. Agensi-agensi kerajaan terbabit jangan hanya berlumba-lumba merekodkan keuntungan tetapi tidak cukup kreatif dalam membantu para pengusaha Bumiputera yang memerlukan bantuan.

12. Meskipun kerajaan bertungkus-lumus berusaha membangunkan usahawan Bumiputera, tetapi jika kalangan usahawan itu sendiri tidak berusaha bersungguh-sungguh membangun diri sendiri maka hasil yang maksima tidak akan dapat dicapai. Ramai kalangan usahawan Bumiputera masih `terlalu bergantung' dengan `tongkat' kerajaan. Sesetengahnya tidak mahu langsung mencuba pasaran baru atau bersaing secara terbuka. Kontrak dan bantuan kerajaan sepatutnya hanya berfungsi sebagai `backup' sementara sahaja bukan untuk selamanya. Pasaran lain harus dicari.

13. Pencapaian AutoPraha Sdn Bhd hari ini diharap akan membuka mata ramai lagi pengusaha Bumiputera yang lain. AutoPraha Sdn Bhd mungkin boleh menjadi `mentor' kepada para usahawan baru yang ingin mempelajari jejak jaya mereka. Saya harapkan syarikat ini akan terus berjaya dengan mengorak langkah yang lebih panjang dalam industri pemotoran ini. Mungkin satu hari nanti komponen kereta SKODA akan dihasilkan di negara ini atau pemasangannya dibuat di negara ini dengan inisiatif Syarikat AutoPraha.

14. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pengasas, pimpinan dan seluruh warga Kumpulan Pantai Bharu dan AutoPraha Sdn Bhd di atas Pembukaan Rasmi Bilik Pameran dan Pelancaran Kereta SKODA.

15. Akhirnya dengan kalimah Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasminya Membuka Bilik Pameran dan Melancarkan Kereta SKODA Edaran Syarikat AutoPraha Sdn. Bhd.

Terima kasih.